

Headline	Bantu rakyat golongan miskin		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 May 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	4
ArticleSize	266 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,789		



GLC, syarikat swasta disaran baik pulih, bina kediaman keluarga kurang kemampuan

Bantu rakyat golongan miskin

JELI – Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta disaran membantu membaik pulih atau membina rumah baharu kepada golongan miskin yang memerlukan kediaman yang selesa.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, walaupun kerajaan mempunyai program tertentu untuk menyediakan rumah kepada golongan tersebut namun jumlah mereka adalah ramai.

“Melalui sumbangan sektor korporat termasuk GLC ini, ia akan mempercepatkan penyediaan rumah kepada golongan asnaf dan miskin ini,” katanya kepada pemberita selepas me-

rasmikan Majlis Kesukuran Projek Baiti Jannati 2017 peringkat negeri Kelantan di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi program Baiti Jannati menyumbang 15 buah rumah kepada 15 keluarga miskin di negeri ini.

Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli memberitahu, kerjasama antara kerajaan, sektor korporat dan badan bukan kerajaan didapati berkesan dalam membantu rakyat dan ia dapat dilihat seperti dalam pembinaan rumah kekal baharu untuk penduduk yang kehilangan rumah ketika banjir besar di Kelantan pada 2014.

Sementara itu, Pengurus Besar TNB Kelantan, Datuk Md. Yuslan Md. Yusof memberitahu, pihaknya menyumbang 20 buah rumah untuk Kelantan pada tahun ini iaitu 15 rumah telah siap manakala lima rumah lagi dijangka siap pembinaannya menjelang Hari Raya Aidilfitri bulan depan.

Menurutnya, rumah yang dibina dengan kos RM50,000 sebuah itu dilengkapi tiga bilik tidur, ruang tamu, dapur dan bilik air.

“Sejak program ini diperkenalkan di Kelantan pada 2008, sebanyak 61 buah rumah telah dibaik pulih atau dibina baharu melibatkan kos RM2.77 juta,” ujarnya. - Bernama



MUSTAPA (dua dari kiri) bersalaman dengan penerima bantuan rumah, Borhan Md. Nor selepas Majlis Penyerahan Rumah Baiti Jannati TNB peringkat negeri di Jeli semalam. Hadir sama Md. Yuslan (tiga dari kiri).